



## **KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# **KENYATAAN MEDIA**

## **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **BELANJAWAN 2021: PERUNTUKAN-PERUNTUKAN LAIN DAN PROJEK USAHA SAMA UNTUK KESEJAHTERAAN DAN KEMUDAHAN RAKYAT**

#### **PERUNTUKAN PEMBERIAN KHAS WILAYAH PERSEKUTUAN**

Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi terus komited meneruskan program-program sedia ada dan melaksanakan pelbagai program di bawah Inisiatif Wilayah Prihatin (IWP) bagi membantu golongan miskin bandar termasuk golongan yang terkesan akibat COVID-19. Peruntukan Pemberian Khas ini juga untuk mengukuhkan lagi pelaksanaan program MYGrocer, MYJob, MYMedic, MYFood dan MYSchoolBus, program pemantapan jati diri gelandangan, program kebun komuniti (*urban farming*) yang akan menggunakan peruntukan Pemberian Khas Wilayah Persekutuan.

Peruntukan Pemberian Khas Wilayah Persekutuan ini juga diteruskan untuk tahun 2021 bagi memanfaatkan kesejahteraan rakyat di Wilayah Persekutuan melalui projek-projek kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Peruntukan ini juga dimanfaatkan untuk persatuan-persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan (NGO) yang melaksanakan program komuniti di lapangan.

#### **PERUNTUKAN DALAMAN AGENSI**

Peruntukan perumahan di Wilayah Persekutuan bagi program Residensi@Wilayah khusus untuk Rumah Wilayah Prihatin akan menggunakan peruntukan dalaman KWP dan DBKL serta peruntukan CSR daripada badan-badan korporat, swasta dan NGOs. Bagi perumahan mampu milik terdapat 29 plot di Kuala Lumpur dan 3 di Putrajaya yang telah dikenalpasti akan dilaksanakan secara RFP melalui usahasama dengan pemaju-pemaju berpotensi menggunakan peruntukan dalaman agensi.

Menerusi peruntukan yang diberikan ini juga, Kementerian dan agensi akan terus melaksanakan pelbagai Inisiatif Wilayah Cakna secara berterusan khusus untuk warga Wilayah Persekutuan yang kehilangan mata pencarian demi kelangsungan hidup dan seterusnya dapat membantu rakyat membina sebuah masa depan yang lebih kukuh.

#### **PROJEK-PROJEK USAHA SAMA AWAM-SWASTA UNTUK KESEJAHTERAAN DAN KEMUDAHAN RAKYAT**

Pihak kerajaan tetap meneruskan projek-projek usahasama awam dan swasta melalui pelaksanaan projek-projek berskala besar di Wilayah Persekutuan yang diperlukan oleh rakyat termasuk aspek pengangkutan dan perumahan. Projek-projek ini bukan sahaja dapat memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat malah dapat membantu mempertingkatkan dan menambah baik sistem pengangkutan awam sedia ada terutamanya di Putrajaya yang pada masa kini hanya menggunakan perkhidmatan bas percuma yang masih tidak mencukupi.

Antara projek usahasama yang sedang dalam tindakan penyediaan *Request for Proposal* (RFP) oleh pihak kerajaan adalah termasuk pembinaan Jambatan Labuan-Sabah, Monorel Putrajaya, pembangunan semula Kampong Bharu dan Perkampungan Al-Quran (Quranic Village) Putrajaya akan dibuka pada awal tahun 2021. Melalui RFP ini, pihak kerajaan akan dapat meneliti dan memilih keadahan pelaksanaan yang terbaik bagi pelaksanaan projek-projek tersebut tanpa menggunakan peruntukan kerajaan yang tinggi demi kesejahteraan rakyat.

Dalam memastikan pelaksanaan pembangunan Kampong Bharu diteruskan, peruntukan awal sebanyak RM1,000,100 juta yang diperolehi Kementerian bagi pembangunan kemudahan asas dan prasarana penduduk Kampong Bharu. Penggunaan peruntukan sedia ada sebanyak RM20 juta yang telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan sebelum ini di dalam RMK-11 juga di manfaatkan untuk penduduk Kampung Bahru bagi projek pembinaan padang, pusat rekreasi, naik taraf jalan dan infrastruktur supaya dapat memberikan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat khususnya warga Kampong Bharu. Komitmen Kementerian tetap diteruskan dengan bidaan peruntukan sebanyak RM1.5 billion dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi meneruskan pelaksanaan naik taraf dan pembangunan tanah-tanah Kampong Bharu terlaksana.

**TAN SRI TP<sup>r</sup> HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**11 November 2020**